

DUN Terengganu bincang undang-undang hudud Julai

BH - 2 JUN 2002

KOTA BHARU: Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara selepas dibentang pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, awal bulan depan.

Beliau berkata pihaknya masih perlu mendapatkan pandangan masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) termasuk wakil Sisters In Islam dan parti politik berhubung rang undang-undang itu.

"Kita akan hantar kepada Jabatan Peguam Negara bila tiba masanya. Sekarang baru peringkat negeri dan kita perlu me-

ngambil kira keperluan beberapa perkara teknikal," katanya.

Beliau juga menyambut baik kesediaan Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil mahu menemuinya bagi membincangkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas).

"Tapi pertemuan itu biarlah mengikut produser," katanya selepas menghadiri sesi perbincangan ucapan dasar Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, sempena Muktamar Pas ke-48 di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyelar Kerajaan Pas Tereng-

ganu yang cuba memperkenalkan undang-undang jenayah syariah yang dikatakan menzalimi wanita mangsa rogol kerana tidak memberi keadilan.

Malah, kata Perdana Menteri, draf undang-undang itu perlu dikemukakan kepada Kerajaan Pusat untuk diteliti Jabatan Peguam Negara terlebih dulu bagi menentukan sama ada ia sesuai atau tidak.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas berkata, kebanyakan pandangan yang diberi terhadap draf undang-undang itu adalah terhadap aspek teknikal dan bukan kepada hukum dasar dalam al-Quran dan hadis.

"Setakat ini, reaksi yang dite-

rima positif dan kebanyakan mereka hanya mempertikaikan masalah seperti rogol dan saksi... ini berlaku sebab tiada penjelasan. Tunggulah pewartannya dan semua ini cuma salah faham," katanya.

Mengulas perkara sama, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi, Petroleum, Perindustrian dan Sumber Manusia Terengganu yang juga Naib Presiden Pas, Datuk Mustaffa Ali, berkata Pas sedia menghadiri seminar anjuran Umno berhubung Seksyen 9 draf rang undang-undang itu.

"Kalau aspek itu saja yang dia nak bincang, maknanya bahagian lain dia boleh terima... Pas tiada masalah untuk hadir," katanya.